

Ilmu komunikasi guru abad ke-21 memacu sistem pendidikan negara

MINDA PENDIDIK

Oleh PROF. MADYA DR. ABDUL SAID
AMBOTANG & CAROLINE@LORENA DAVID

UB 19.12.2019 B3
DALAM sektor pendidikan, ilmu komunikasi mempunyai peranan yang penting dan berlaku dalam sepanjang sesi aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Seorang guru yang berkebolehan dalam berkomunikasi secara berkesan akan berjaya menimbulkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan berkesan.

Untuk menjamin keberkesanannya penggunaan ilmu komunikasi dalam pengajaran dalam bilik darjah, guru seharusnya mengambil langkah inisiatif untuk berlatih dan mendalami ilmu komunikasi dan seterusnya mampu untuk menguasai kemahiran berkomunikasi dengan lebih mantap.

Kemantapan penguasaan kemahiran ilmu komunikasi mampu menimbulkan suasana persekolahan yang harmoni di samping melahirkan persekitaran yang lebih kondusif sepanjang proses pembelajaran di bilik darjah. Oleh yang demikian, pengetahuan ilmu komunikasi seharusnya dapat dirungkaikan dengan lebih jelas, tepat dan diperincikan dalam isu pendidikan negara. Ilmu komunikasi yang sedia ada perlulah dibahaskan agar dapat memberikan impak positif dan

memberikan keuntungan kepada sektor pendidikan dalam negara agar mampu bersaing dengan negara yang lebih maju.

Namun, sejauh manakah isu berkaitan ilmu komunikasi seseorang pendidik terus dibicarakan? Dan diberikan keutamaan bagi membantu menjulang tinggi taraf profesion keguruan serta diangkat dan dijulang. Ilmu komunikasi merupakan satu kemahiran yang harus dikuasai oleh setiap individu agar setiap tutur bicara dapat dilafazkan dengan lebih sempurna dan efektif sejarah dengan kemajuan pada masa kini. Tidak semua individu dapat mengaplikasikan kemahiran berkomunikasi yang berkesan.

Oleh yang demikian, pihak yang dipertanggungjawabkan seharusnya memainkan peranan dan berusaha untuk merungkaikan permasalahan ini agar satu jalan penyelesaian yang lebih teratur dan mampan dapat segera dilaksanakan bagi menjamin kualiti dalam bidang pendidikan. Para pendidik mempunyai tugas berat terutamanya dalam usaha memberikan impak positif dalam pengajaran sehari-hari guru di sekolah khususnya. Segelintir sarjana menyatakan bahawa pendidikan adalah salah satu medium tunggal yang mampu membawa perubahan dalam keilmuan, kemahiran, sikap, penghargaan dan kefahaman yang hakiki terhadap setiap

aspek dalam persekitaran. Umumnya pengertian ilmu komunikasi terbahagi kepada verbal dan nonverbal. Komunikasi verbal melibatkan simbol verbal iaitu secara bertulis ataupun lisan. Manakala komunikasi nonverbal pula merupakan satu komunikasi yang agak eksplisit dan perlu diberikan sepenuh perhatian oleh pendidik terutamanya ketika berada di dalam bilik darjah. Komunikasi nonverbal merupakan komunikasi tanpa menggunakan kata-kata atau suara. Penggunaan komunikasi nonverbal ialah pembelajaran berkaitan ekspresi wajah, waktu, sentuhan, gerak, bau serta perilaku seseorang.

Terdapat beberapa faktor yang dapat mempengaruhi keberkesanannya komunikasi seseorang. Faktor seperti pengetahuan, faktor budaya, faktor pengalaman, faktor kebijaksanaan, faktor peribadi, dan faktor biologi sangat mempengaruhi komunikasi seseorang individu. Dalam konteks pendidikan seseorang guru perlu menguasai pelbagai bidang, mengikuti perkembangan dasar dan isu pendidikan.

Penguasaan ilmu secara lebih meluas mampu membantu seorang guru untuk menguasai ilmu komunikasi dengan lebih baik. Oleh yang demikian, seorang pendidik haruslah mempunyai ilmu komunikasi yang luas agar dapat

melaksanakan pengajaran dalam bilik darjah dengan lebih mudah agar murid-murid memahami isi kandungan pembelajaran sepanjang proses pengajaran dilaksanakan.

Ilmu komunikasi merupakan suatu perkara yang perlu dititikberatkan oleh warga pendidik. Seorang pendidik yang sememangnya mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memastikan kefahaman pembelajaran murid ketika berada dalam bilik darjah dikuasai 100 peratus dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dapatkan kajian beberapa orang penyelidik menjelaskan bahawa kepimpinan pengajaran yang dilakukan oleh guru adalah untuk memajukan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Iklim pembelajaran ketika berada di sekolah mempunyai kaitan rapat dengan ilmu komunikasi bagi seorang guru terhadap murid. Perkara ini disokong kuat beberapa orang sarjana yang menyatakan bahawa iklim pembelajaran di sekolah sangat dipengaruhi oleh sikap guru. Ini bermaksud atmosfera sosial yang mewarnai persekitaran pembelajaran di sekolah haruslah diberikan perhatian bagi memastikan aktiviti pembelajaran berjalan dengan berkesan melalui komunikasi dalam kalangan guru dan murid.

Iklim pembelajaran ini secara tidak langsung akan menyokong

suasana pembelajaran yang lebih kondusif dan sekali gus dapat membantu dan merangsang pembelajaran serta tahap peningkatan kefahaman murid. Menurut pendapat beberapa sarjana lepas kepimpinan pengajaran merupakan satu usaha memperbaiki dan mengekalkan keadaan-keadaan yang menggalakkan pembelajaran di sekolah dan sekali gus membentuk persekitaran kerja guru yang lebih produktif dan berkesan yang akhirnya dapat memupuk perkembangan pembelajaran murid secara konsisten.

Oleh itu, pengaruh ilmu komunikasi dalam pedagogi guru abad ke-21 dalam sistem pendidikan negara harus memiliki kekuatan dalam memastikan keberkesanannya proses pengajaran di bilik darjah berlaku. Guru merupakan orang terpenting dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah kerana dapat menggalakkan peningkatan prestasi akademik dan juga motivasi belajar pelajar. Selain itu, pengaruh ilmu komunikasi guru abad ke-21 dalam sistem pendidikan negara secara tidak langsung dapat meningkatkan keupayaan komunikasi pelajar dalam peningkatan pengetahuan dalam pembelajaran berterusan.

Dalam usaha merealisasikan matlamat ke arah memastabatkan mutu pendidikan kebangsaan

sejajar dengan era globalisasi pendidikan yang berkualiti, negara telah meletakkan harapan yang tinggi terhadap golongan guru atau pendidik. Guru dianggap sebagai agen pencorak, arkitek dan penyelamat masa depan anak bangsa dan memikul tanggungjawab yang berat dalam mendidik anak bangsa. Guru seharusnya menggunakan komunikasi yang efektif bagi memastikan perancangan pembelajaran dicapai.

Oleh yang demikian, setiap guru tidak dapat mengelakkan diri daripada menguasai kecekapan berkomunikasi agar dapat mempengaruhi murid dalam bilik darjah dan sekali gus dapat memotivasi murid sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Bersesuaian dengan perkara ini, semua guru perlu bersedia dan memiliki kualiti ilmu yang tinggi terutamanya dalam ilmu komunikasi. Kepelbagaiannya kemahiran ilmu komunikasi dianggap sebagai satu nadi yang dapat menyokong seorang guru dalam menjayakan wawasan pendidikan negara bagi memastikan negara kita akan muncul juara dalam bidang keilmuan serantau.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan dan pelajar pascasiswazah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah